

Baca petikan di bawah. Seret maksud kosa kata dan ungkapan menarik dalam ruang jawapan.

Kenali Ipoh

AKTIVITI

1. Jelaskan maksud kosa kata dan ungkapan yang menarik dalam teks.
2. Bina lima ayat daripada kosa kata dan ungkapan menarik tersebut.

Ipoh ialah ibu negeri dan pusat pentadbiran negeri Perak yang terletak 200 kilometer dari Kuala Lumpur. Nama Ipoh berasal daripada nama sejenis tumbuhan, iaitu pokok ipuh. Pada tahun 1888, Ipoh telah **diisytiharkan** sebagai bandar raya. Terdapat banyak sejarah dan warisan yang boleh dijejaki di Ipoh. Pelbagai kaum di Ipoh seperti Melayu, Cina,

dan India mewujudkan kepelbagaian budaya.

Seni bina bangunan di sini mempunyai tarikan yang tersendiri. Bangunan Mahkamah Tinggi Ipoh, Stesen Kereta Api Ipoh, dan bangunan Hong Kong and Shanghai Bank masih mengekalkan ciri-ciri seni bina Inggeris. Begitu juga halnya dengan bangunan Pejabat Pos Lama Ipoh dan Dewan Bandaran Ipoh. Selain itu, seni bina Moghul dan Islam pula dapat dilihat pada Masjid Paloh yang dibina pada tahun 1912.

Keunikan pakaian tradisional masyarakat di sini masih dipertahankan. Selain pemakaian ceongsam, sari, doti, dan samfu, **busana** putera dan puteri Perak merupakan warisan tradisional yang **tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas**. Bagi masyarakat Melayu, "busana putera dan puteri Perak" masih dipakai dalam majlis rasmi atau dalam **adat istiadat** persandingan.

Ipoh juga mempunyai pelbagai makanan tradisional yang terkenal seperti rendang tok, mi rebus, kacang putih, kopi putih, ayam tauge, dan nasi kandar. Pengunjung pasti **rambang mata** untuk memilih **aneka makanan** yang disajikan. **Keaslian rasa** makanan tradisional Ipoh ini pasti **menambat selera** sesiapa sahaja yang berkunjung ke sini.

Kesimpulannya, Bandaraya Ipoh **sarat** dengan **elemen** sejarah dan kepelbagaian budaya. Maka, sejarah dan warisan bandar raya ini hendaklah dipelihara dan dipulihara agar generasi akan datang dapat **menelusuri** nilai dan sejarahnya.

Bil	Kosa kata dan ungkapan menarik	Maksud
1.	<i>diisytiharkan</i>	<i>memberitahukan; mengumumkan; memaklumkan kepada orang ramai</i>
2.	seni bina	
3	busana	
4	tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas	
5	adat istiadat	
6.	rambang mata	
7.	aneka makanan	
8	keaslian rasa	
9	menambat selera	
10	sarat	
11	elemen	
12	menelusuri	

berbagai-bagai adat dan kebiasaan; majlis rasmi untuk menyambut sesuatu peristiwa

hal yang berkaitan dengan pembinaan sesebuah bangunan penyediaan reka bentuk

adat yang tidak berubah-ubah, kekal

rasa yang tulen dan semula jadi tanpa menggunakan bahan tiruan

memikat atau menarik atau menawan keinginan untuk makan

pakaian yang lengkap lagi indah buatannya

tidak tahu yang mana satu yang hendak dipilih

terlalu banyak berisi sesuatu sehingga penuh atau berat

berbagai-bagai jenis makanan atau juadah

menjejaki sesuatu peristiwa, cerita, dan sebagainya

salah satu daripada unsur